

Lawatan Anwar ke Pakistan raih potensi perdagangan RM2.65 bilion

FREE MALAYSIA TODAY

October 04, 2024

Bernamea

ISLAMABAD: Lawatan negara tiga hari Perdana Menteri Anwar Ibrahim ke Pakistan berjaya meraih potensi perdagangan bernilai RM2.65 bilion, kata Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Zafrul Aziz.

Beliau berkata Pakistan turut memberikan komitmen untuk meningkatkan import minyak kelapa sawit dari Malaysia dan juga import produk berasaskan kayu, baja, petrokimia serta oleokimia.

Lawatan (negara oleh Perdana Menteri ke Pakistan) turut menghasilkan komitmen pelaburan bernilai RM100 juta dalam sektor halal yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun, katanya semasa sidang media pada akhir lawatan tiga hari perdana menteri hari ini.

Beliau berkata kedua-dua negara juga akan mengadakan rundingan pada bulan depan mengenai Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-Pakistan (MPCEPA).

Perjanjian MPCEPA sebenarnya telah lama berkuat kuasa iaitu sejak Januari 2008 dan kajian semula mengenainya dijangka selesai pada 2026, katanya.

Pelancaran rundingan kajian semula MPCEPA adalah supaya lebih banyak manfaat boleh diraih oleh Malaysia dan Pakistan melalui perjanjian perdagangan bebas (FTA) itu.

Tengku Zafrul turut berkata Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Miti) akan membuka pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) di Karachi pada 15 Oktober ini.

Selepas mesyuarat dua hala antara Malaysia dan Pakistan di Kediaman Rasmi Perdana Menteri Pakistan semalam, Matrade juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Perdagangan Pakistan (TDAP), disaksikan Anwar.

Sempena lawatan negara Perdana Menteri ke Pakistan, agensi di bawah Miti juga telah menganjurkan Dialog Perniagaan Peringkat Tertinggi Malaysia-Pakistan yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri dan rakan sejawatannya dari Pakistan, Shehbaz Sharif.

Dialog perniagaan itu telah menarik penyertaan 67 syarikat dan tujuh persatuan perniagaan dari Pakistan serta Malaysia.

Copyright © 2009 - 2024 FMT Media Sdn Bhd. All Rights Reserved. A part of Media Prima Group.

Sources:

<https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/04/lawatan-anwar-ke-pakistan-raih-potensi-perdagangan-rm2-65-bilion/>